

MUTU KERJA DIUTAMAKAN

GENTING HIGH-LANDS, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu mengutamakan mutu setiap tugas dan pekerjaan mereka dalam membangunkan negara.

Perdana Menteri juga ingin melihat kakitangan kerajaan meningkatkan mutu kerja dan perkhidmatan sepanjang masa.

"Kawalan mutu bukan saja melibatkan kakitangan kerajaan, tapi juga di sektor swasta," katanya ketika berucap di majlis makan malam anjuran Kelab Alumni Pengajian Perniagaan Universiti Harvard, di sini, malam semalam.

Bellau tidak berniat memaksa pihak swasta mengutamakan mutu. "Tapi kita perlu memelihara supaya barang-barang buatan Malaysia tidak dipertikaikan dari segi mutunya," tambah bellau lagi.

Dalam perkara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, pengurus-pengurus memainkan peranan penting untuk meningkatkan mutu barang yang dikeluarkan.

"Apabila barang yang dikeluarkan bermutu

tinggi dengan kos pengeluaran yang rendah, daya pengeluarannya akan meningkat," ujarnya.

Perdana Menteri tidak menafikan, kerajaan kini kekurangan tenaga pengurus yang terlatih.

Pengurusan

"Saya kira, sektor swasta juga mengalami keadaan itu," jelasnya.

Bagaimanapun, kata bellau, perjalanan sektor swasta di negara ini tidak begitu agresif dan berjaya berbanding negara-negara membangun lain di rantau ini. Katanya, untuk me-

ningkatkan mutu pemasaran dan hasil pengeluaran, sudah sampai masanya lebih banyak pengurus dilatih dan pengurus yang sedang berkhidmat ditingkatkan kemahiran mereka.

Menurutnya, seseorang yang ditugaskan mengurus tidak semestinya seorang pengurus. "Tapi pengurus yang sebenar ialah menguruskan kejayaan syarikat atau pertubuhannya, bukan untuk diri sendiri," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan,

Tanggungjawab seseorang pengurus yang utama ialah meningkatkan daya pengeluarannya.

"Baik di sektor kerajaan atau swasta, peningkatan daya pengeluaran di tempatnya bekerja perlu diutamakan, kata Perdana Menteri lagi.

Bellau memberi contoh bahawa seorang pekerja di loji pemasangan kereta di Malaysia hanya berjaya mengeluarkan 0.6 unit kereta setahun berbanding di negara-negara jiran iaitu 2.5 unit kereta setahun.

No. Siri 29/11
No. Penerimaan 686/85